

09/01/2003

BPR pantau amalan kerja pejabat tanah

Jalal Ali Abdul Rahim

IPOH: Pegawai Badan Pencegah Rasuah (BPR) mungkin berada sehari suntuk ketika membuat pemeriksaan amalan, sistem dan tata cara kerja di pejabat tanah dan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang akan dilakukan secara serentak di seluruh negara dalam tempoh terdekat ini.

Pemeriksaan itu mungkin mengambil masa selama dua tiga hari kerana BPR perlu meneliti pelbagai dokumen dan rekod serta mengambil keterangan pegawai dan kakitangan.

Pengarah Bahagian Pencegahan BPR, Sutinah Sutan, berkata pendekatan pencegahan baru itu dibuat mengikut Seksyen 8(C), (D) dan (E) Akta Pencegahan Rasuah 1997, yang memperuntukkan kuasa kepada agensi terbabit memeriksa dan meneliti amalan, sistem dan tatacara kerja jabatan kerajaan serta organisasi awam dan swasta.

Beliau berkata, tumpuan kepada pejabat tanah dan PBT kerana kajian dalaman agensi itu sebelum ini mendapati jabatan itu paling banyak menerima aduan berhubung amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

"Pemeriksaan dan penelitian ini mungkin mengambil masa beberapa hari bagi mengenal pasti kelemahan yang membuka peluang dan ruang orang melakukan rasuah.

"BPR kemudiannya akan membuat perakuan dan cadangan kepada jabatan dan organisasi berkenaan supaya meminda atau memperketatkan sistem dan tatacara kerja bagi menutup ruang dan peluang rasuah yang ada.

"Apabila sistem dan tatacara kerja diperketatkan maka ia menyebabkan pegawai yang melaksanakan prosedur kerja susah melakukan rasuah dan jika mereka melakukannya maka mudah bagi kita mengesannya.

"Kita juga mengenal pasti beberapa jabatan lain tetapi pemeriksaan bergantung kepada aduan dan hasil siasatan," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan penyerahan tugas Pengarah BPR Perak antara Abu Kassim Mohamad dan Zainol Abdullah di sini, semalam.

Zainol yang menjadi Pengarah BPR Perak sebelum ini memegang jawatan sama di Pahang manakala Abu Kassim bertukar ke jawatan sama di Pulau Pinang. Pertukaran itu berkuat kuasa 30 Disember lalu.

Laporan khas Berita Harian baru-baru ini mendedahkan kerenah birokrasi dalam pentadbiran dan pengurusan pejabat tanah sehingga ada permohonan yang dikemukakan 50 tahun lalu belum diselesaikan.

Tinjauan akhbar ini di kalangan ejen hartanah, juru lelong berlesen dan beberapa kerani firma guaman pula mendapati amalan menyogok wang berleluasa sejak dulu lagi dan semua pelanggan mereka juga bersedia membayar sogokan bagi mempercepatkan urusan.

Berikutan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kerajaan memulakan kajian menyeluruh bagi menangani kerenah birokrasi di pejabat tanah seluruh negara, selepas kerajaan menerima aduan orang ramai seperti masalah kelewatan dalam menguruskan pengeluaran geran.

Sutinah berkata, pegawai unit pencegahan BPR di setiap negeri akan pergi ke pejabat tanah dan PBT untuk memeriksa dokumen dan rekod bagi mengesan sebarang kelemahan yang wujud.

Beliau berkata, pihaknya mengakui ada antara sistem dan tatacara kerja bersifat sempurna tetapi amalan atau pelaksanaannya di setiap negeri kadangkala berbeza.

Sutinah berkata, walaupun pemeriksaan itu lebih kepada tujuan pencegahan tetapi pihaknya tidak teragak-agak mengemukakan maklumat rasuah kepada bahagian siasatan jika pemeriksaan mengesan perbuatan itu.

Katanya, pihaknya yakin pemeriksaan bagi sistem dan tatacara mudah boleh diselesaikan dalam masa sebulan dua tetapi jika membabitkan pemeriksaan menyeluruh kajian itu memerlukan tempoh sekurang-kurangnya tiga bulan.

Sementara itu, Sutinah berkata, kesedaran menangani rasuah di kalangan pegawai dan kakitangan awam di negara ini pada umumnya semakin meningkat.